

13 OCT 2003

OIC-Isu/I

MESYUARAT MENTERI LUAR BINCANG ISU ASIA BARAT

Oleh: Mawi Taip

PUTRAJAYA, 13 Okt (Bernama) -- Pergolakan di Iraq dan Asia Barat menjadi tumpuan dalam agenda hari pertama mesyuarat persediaan menteri luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC), di sini.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata mesyuarat itu berjalan lancar dengan perbincangan bertumpu pada isu-isu konflik Palestin, perang Iraq dan serangan Israel ke atas Syria baru-baru ini.

Beberapa negara anggota menyatakan OIC perlu bertindak dan bukan sekadar menyuarakan pendapat dalam menyelesaikan masalah yang melanda umat Islam di Asia Barat, katanya kepada pemberita semasa rehat makan tengah hari.

"Sesetengah negara menyatakan OIC perlu bersedia untuk mengambil tindakan dan melaksanakan keputusan kami," katanya.

Sidang Kemuncak OIC ke-10, yang sedang berlangsung di sini, merupakan persidangan utama negara-negara Islam selepas serangan pengganas 11 Sept ke atas Amerika Syarikat.

Mengenai serangan udara Israel ke atas Syria, Syed Hamid berkata mesyuarat itu bersetuju serangan itu melanggar undang-undang antarabangsa.

"Perkara paling penting ialah bagi negara-negara OIC bersatu padu bagi memastikan suara kita didengari."

Menteri-menteri luar pertubuhan 57 anggota itu sedang membuat persediaan bagi Sidang Kemuncak Ketua-ketua Negara dan Kerajaan pada Khamis dan Jumaat.

Ditanya sama ada isu pasukan pengaman yang disokong OIC dihantar ke Iraq turut dibincangkan pada mesyuarat itu, Syed Hamid berkata perkara itu masih belum disentuh.

"Kami masih belum membincangkan mengenai menghantar pasukan tentera dari negara-negara Islam ke Iraq, kami mahu Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu memainkan peranan utama (di Iraq)," katanya.

Beliau juga berkata perwakilan Iraq terbabit secara aktif dalam perbincangan itu.

"Kami amat gembira kerana mereka turut serta dengan cara positif," katanya.

Delegasi Iraq diketuai Menteri Luar Majlis Pemerintah Iraq Hoshyar Zebari.

Ketua baru majlis yang mendapat sokongan Amerika Syarikat di bawah sistem penggiliran pemimpin, Iyad Allawi akan menghadiri Sidang Kemuncak Ketua-ketua Negara dan Kerajaan yang akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

MT MKO RHM